

**Aduan Kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
(SUHAKAM) Tentang Pencabulan Hak Asasi
Manusia oleh Polis Dalam Mengendalikan
Perhimpunan Aman BERSIH 5**

20 Disember 2016

Kuala Lumpur

Dilaporkan oleh

Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0)

A-2-8, Block A, Pusat Perniagaan 8 Avenue,
Seksyen 8, Jalan Sungai Jernih 8/1, 46050,
Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-79314444

Latar Belakang

Pada 19 November 2016, BERSIH telah menganjurkan perhimpunan Bersih 5 secara aman yang bermula dari di Jalan Bangsar dan Masjid Negara, dan mengikut perancangan, sepatutnya berakhir di Dataran Merdeka.

Pada 17 November 2016, Ketua Polis Negara mengatakan bahawa perhimpunan Bersih 5 ialah suatu perhimpunan haram kerana tidak mematuhi Akta Perhimpunan Aman.

Pada 18 November 2016, iaitu sehari sebelum perhimpunan aman Bersih 5, pihak polis menyerbu pejabat Bersih 2.0 dan menangkap pengerusi BERSIH, Maria Chin Abdullah, dan pengurus BERSIH, Mandeep Singh. Komputer, telefon bimbit, dan dokumen-dokumen pejabat Bersih 2.0 turut dirampas oleh pihak polis.

Pada 19 November 2016 bermula daripada jam 7.00am, pihak polis telah membuat sekatan jalan raya di Jalan Bangsar, Jalan Travers, Brickfields, Dataran Merdeka, dan Sogo. Sekatan-sekatan ini menghalang kereta-kereta dan orang ramai daripada memasuki kawasan-kawasan ini.

Pihak polis telah membuat sebanyak 16 penangkapan sebelum dan semasa perhimpunan Bersih 5 dijalankan. Senarai mereka yang ditangkap adalah seperti berikut:

1. Maria Chin Abdullah (ditangkap pada 18 November 2016)
2. Mandeep Singh (ditangkap pada 18 November 2016)
3. Arutchelvan (ditangkap pada 18 November 2016)
4. YB Anthony Loke (ditangkap pada 18 November 2016)
5. Ronnie Liu (ditangkap pada 18 November 2016)
6. Lukman Nuk Hakim (ditangkap pada 18 November 2016)
7. Anis Syafiqah (ditangkap pada 18 November 2016)
8. Jimmy Wong (ditangkap pada 18 November 2016)
9. Lee Khai Ming (ditangkap pada 18 November 2016)
10. Safwan Anang (ditangkap pada 18 November 2016)
11. Hishamuddin Rais (ditangkap pada 19 November 2016)
12. Fahmi Reza (ditangkap pada 19 November 2016)
13. YB Zuraida Kamaruddin (ditangkap pada 19 November 2016)
14. YB Tian Chua (ditangkap pada 19 November 2016)
15. YB Howard Lee (ditangkap pada 19 November 2016)
16. Luqman Hakim (ditangkap pada 19 November 2016)

Semua yang ditangkap telah dibebaskan oleh pihak polis dalam tempoh 2-3 hari selepas reman, kecuali Maria Chin Abdullah yang ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Kaedah-Kaedah Khas) (SOSMA) 2012 di mana beliau boleh ditahan selama 10 hari tanpa bicara. (SOSMA membolehkan tahanan tanpa bicara sehingga 28 hari).

Aduan-aduan pencabulan hak asasi manusia oleh Ketua Polis Negara dan pihak polis

Kami ingin membuat aduan-aduan pencabulan hak asasi manusia oleh Ketua Polis Negara dan pihak polis seperti berikut:

Pencabulan Hak Berhimpun Secara Aman and Hak untuk Bersuara

1. Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan untuk berhimpun secara aman dan kebebasan bersuara. Selain itu, di dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat yang telah dipersetujui oleh kerajaan Malaysia, Perkara 20 menjamin kebebasan berhimpun secara aman manakala Perkara 19 menjamin kebebasan untuk bersuara.
2. Bersih 2.0 juga telah menghantar notis perhimpunan kepada pihak polis 10 hari sebelum perhimpunan seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perhimpunan Aman. Ketua Polis Negara telah melanggar Perlembagaan Persekutuan dan hak asasi manusia dengan mengistiharkan bahawa perhimpunan aman Bersih 5 sebagai suatu perhimpunan haram. Ini jelas berniat jahat kerana bertujuan menakut-nakutkan orang ramai daripada menyertai perhimpunan Bersih 5, dan menyekat hak asasi manusia mereka untuk menghadiri perhimpunan Bersih 5.
3. Tanggungjawab polis adalah untuk memastikan hak-hak rakyat dalam Perlembagaan Persekutuan terjamin. Pihak polis sepatutnya memberi kerjasama kepada Bersih 2.0 dalam menyelenggarakan perhimpunan Bersih 5 supaya trafik berjalan lancar, dan menjaga keamanan supaya semua rakyat dapat menyertai perhimpunan Bersih 5 tanpa apa-apa masalah. Oleh yang demikian, tindakan pihak polis membuat sekatan-sekatan jalanraya di Jalan Bangsar, Jalan Travers, Brickfields, Dataran Merdeka dan Sogo yang menyekat orang ramai daripada bergerak dari Dataran Maybank dan Masjid Negara untuk berhimpun di Dataran Merdeka adalah bertentangan dengan perkara 10 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 20 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat, dan merupakan satu pencabulan hak asasi manusia oleh Ketua Polis Negara.
4. Sebelum perhimpunan Bersih 5 berlangsung, turut telah berlakunya pelbagai insiden intimidasi dan keganasan oleh kumpulan “Baju Merah” yang diketuai oleh Jamal Yunos. Beberapa penyokong Bersih 5 telah dipukul dan diganggu. Selain itu, Maria Chin Abdullah turut menerima ugutan bunuh terhadap beliau dan keluarga, Mandeep Singh, dan Dato Ambiga Sreenevasan. Walaubagaimanapun, pihak polis dan Ketua Polis Negara telah gagal mengambil tindakan terhadap kejadian-kejadian ini.
5. Tambahan lagi, pihak polis telah menghalang ambulans dan pegawai perubatan untuk masuk ke kawasan berhimpun semasa perhimpunan Bersih 5, dan oleh itu membahayakan kesihatan dan keselamatan peserta-peserta.

Pencabulan Hak Kebebasan Peribadi

6. Penangkapan Maria Chin Abdullah, Mandeep Singh, Arutchelvan, YB Anthony Loke, Ronnie Liu, Lukman Nuk Hakim, Anis Syafidah, Jimmy Wong, Lee Khai Ming dan Safwan Anang sebelum mereka menyertai perhimpunan aman Bersih 5 oleh pihak polis adalah satu pelanggaran Perlembagaan Persekutuan dan hak asasi manusia, satu penyalahgunaan kuasa dan berniat jahat. Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 9 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat menjamin kebebasan peribadi dan tidak boleh ditangkap sewenang-wenangnya.
7. Penangkapan Hishamuddin Rais, Fahmi Reza, YB Zuraida Kamaruddin, YB Tian Chua, YB Howard Lee dan Luqman Hakim semasa mereka menyertai perhimpunan Bersih 5 adalah satu penyalahgunaan kuasa dan berniat jahat kerana perhimpunan Bersih 5 telah dijalankan dalam keadaan yang aman. Tiada alasan untuk pihak polis membuat tangkapan terhadap mereka.

Pencabulan Hak Untuk Diberitahu Alasan Penangkapan

8. Penggunaan Akta Kesalahan Keselamatan (Kaedah-Kaedah Khas) (SOSMA) 2012 terhadap Maria Chin Abdullah dan penahanan beliau selama 10 hari tanpa bicara adalah satu pencabulan hak asasi manusia oleh Ketua Polis Negara dan jelas berniat jahat untuk menghukum Maria Chin Abdullah walaupun beliau tidak membuat apa-apa kesalahan. Alasan Ketua Polis Negara bahawa Maria Chin Abdullah ditahan dibawah SOSMA berdasarkan dokumen-dokumen yang telah diperolehi daripada pejabat Bersih 2.0 tetapi enggan memberitahu apa kesalahan keselamatan negara Maria Chin Abdullah dalam dokumen-dokumen tersebut adalah berniat jahat, tidak bertanggungjawab dan tidak professional. Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukan bahawa seseorang yang ditahan perlu diberitahu dengan segera alasan penangkapan dan penahanan.

Pencabulan Hak Untuk Dianggap Sebagai Tidak Bersalah Sehingga Dibuktikan Kesalahan

9. Perkara 11 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat memperuntukan bahawa seseorang yang didakwa perlu dianggap sebagai tidak bersalah sehingga kesalahannya dibuktikan melalui satu proses penghakiman yang terbuka. Oleh demikian, mereka yang didakwa tidak patut dilayan seperti seorang pesalah. Dalam kes Maria Chin Abdullah, beliau belum pun didakwa dan hanya disiasat, tetapi beliau telah dihukum dengan penahanan selama 10 hari di bawah SOSMA. Ini jelas bertentangan dengan Perkara 11 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat.

Pencabulan Hak Untuk Mendapat Khidmat Peguam

10. Sepanjang penahanan 10 hari Maria Chin Abdullah, beliau hanya dibenarkan untuk berjumpa dengan peguam dan keluarga sekali sahaja iaitu pada 20 November 2016, iaitu 48 jam selepas penahanan seperti yang diperuntukkan dalam SOSMA. Ini bertentangan dengan Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan di mana seseorang yang ditahan perlu diberi hak untuk berjumpa dengan peguam pilihannya.

Pencabulan Hak Untuk Dibicara

11. Penahanan Maria Chin Adullah selama 10 hari di bawah SOSMA tanpa bicara adalah bertentangan dengan Perkara 10 Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat yang menjamin setiap orang berhak untuk mendapat satu penghakiman yang adil dan terbuka dengan saksama dalam menentukan dakwaan jenayah terhadapnya.
12. Ketua Polis Negara sepatutnya membawa Maria Chin Abdullah ke mahkamah untuk menghadapi pendakwaan secara terbuka dan membuktikan dakwaannya dengan bukti-bukti yang kukuh, bukannya menahan Maria Chin Abdullah selama 10 hari dan bersembunyi di belakang dokumen-dokumen yang langsung tidak diketahui orang ramai.
13. Alasan Ketua Polis Negara untuk menahan Maria Chin Abdullah di bawah SOSMA untuk membuat siasatan juga tidak munasabah dan tidak adil. Pihak polis perlu menyiasat, mengumpul bukti-bukti kesalahan Maria Chin Abdullah dan bersedia membuat pendakwaan sebelum membuat sebarang penangkapan, dan bukan membuat penangkapan baru membuat penyiasatan. Tindakan Ketua Polis Negara ini langsung tidak menghormati perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan.

Pencabulan Hak Untuk Bebas Daripada Penyeksaan

14. Penahanan Maria Chin Abdullah oleh pihak polis dalam keadaan persendirian (solitary confinement) dalam satu bilik tanpa tingkap di mana lampu dibuka 24 jam adalah satu bentuk penyeksaan yang menjejaskan kesihatan fizikal dan mental Maria Chin Abdullah. Ini bercanggah dengan undang-undang hak asasi manusia antarabangsa.
15. Penahanan Maria Chin Abdullah di tempat penahanan yang tersembunyi merupakan satu penyalahgunaan kuasa oleh polis dan keadaan ini hanya akan memfasilitasikan kelakuan penyeksaan ke atas orang kena tahan oleh pegawai-pegawai polis. Maklumat tempat penahanan polis perlu disenaraikan secara terbuka.

Kesimpulan

Kami meminta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia untuk:

1. Menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan pencabulan hak asasi manusia oleh Ketua Polis Negara dan pihak polis seperti yang dinyatakan di atas;
2. Mengadakan satu pendengaran terbuka terhadap aduan-aduan pencabulan hak asasi manusia dan pelanggaran Perlembagaan Persekutuan yang dibuat di atas dan memanggil Ketua Polis Negara dan pegawai-pegawai polis yang terlibat untuk membuat kenyataan di dalam pendengaran terbuka yang diadakan. Pendengaran tersebut mesti dibuka kepada umum.
3. Akta SOSMA merupakan satu akta yang memberi bidang kuasa yang terlalu besar kepada pihak polis dan bertentangan dengan terlalu banyak prinsip-prinsip hak asasi manusia. Ia juga bertentangan dengan Perkara 5(1) dan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Suruhanjaya Hak Asasi Manusia perlu mengesyorkan bahawa Akta SOSMA dimansuhkan.
4. Mengumumkan kepada orang awam tentang keputusan penyiasatan, tindakan-tindakan dan cadangan-cadangan Suruhanjaya ke atas aduan-aduan di atas.